



Ruj. kami: JPT/GS1000-606JU.1(29)

Tarikh : 22 Julai 2013

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pengajian Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PEKELILING MENGENAI PENERIMAAN KELAYAKAN MELALUI
PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT
(ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING, APEL)
SEBAGAI KELAYAKAN MASUK PROGRAM BAGI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil.1/2012 bertarikh 10 April 2012 telah memutuskan bahawa syarat kelayakan masuk menggunakan APEL tidak perlu disenaraikan dalam syarat kelayakan masuk pada Surat Kelulusan Pengendalian Program.

3. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan kemasukan pelajar-pelajar yang menggunakan laluan APEL ke program yang ditawarkan maka diputuskan ketetapan seperti berikut:

- i. Pelajar perlu lulus penilaian APEL yang dilaksanakan oleh MQA;
- ii. Mematuhi kriteria kemasukan yang ditetapkan oleh KPT seperti berikut:

- a. Program di Peringkat Sijil, Tahap 3 MQF
Calon hendaklah warganegara berumur 19 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.
 - b. Program di Peringkat Diploma, Tahap 4 MQF
Calon hendaklah warganegara berumur 20 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja berkaitan.
 - c. Program di Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Tahap 6 MQF
Calon hendaklah warganegara berumur 21 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja berkaitan.
 - d. Program di Peringkat Ijazah Sarjana, Tahap 7 MQF
Calon hendaklah warganegara berumur 30 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat dan memiliki sekurang-kurangnya STPM/Diploma/kelayakan lain yang setara (sebagai contoh program asasi) serta pengalaman kerja yang berkaitan.
 - e. Program di Peringkat Kedoktoran, Tahap 8 MQF
Calon hendaklah warganegara berumur 35 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat dan memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang yang berkaitan atau kelayakan lain yang setara serta lima tahun pengalaman kerja yang berkaitan.
- iii. Penerimaan kelayakan melalui APEL untuk semua program adalah terbuka kepada semua PPT dengan had kuota pengambilan sebanyak 5% daripada jumlah pelajar di PPT terbabit dalam sesuatu masa.

4. Untuk makluman, ketetapan dasar ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan dan perlu dirujuk bersama dengan surat-surat makluman berkaitan yang dikeluarkan oleh MQA.

5. Adalah diharap, agar usaha bersepadu semua pihak dapat dipertingkatkan dalam usaha kita menyediakan ruang dan peluang pendidikan tinggi yang berkualiti kepada semua.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. MORSHIDI BIN SIRAT)

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

Menteri Pendidikan Malaysia

Menteri Pendidikan Malaysia II

Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Setiausaha

Ketua Setiausaha II

Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)

YB. Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
(u/p: Pn. Salwani Bt Abdullah)

Semua Pengarah Bahagian
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia